

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

24. Adakah Kerajaan Negeri akan menolong syarikat-syarikat internet untuk memastikan bahawa semua kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang dilengkapkan dengan kabel gentian optik (*fibre optic cables*) supaya kemudahan internet berkelajuan tinggi boleh disambungkan kepada semua rakyat Pulau Pinang?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri menetapkan misi untuk membangunkan Bandar Pintar menjelang Tahun 2025 dengan melengkapkan infrastruktur secara berperingkat di seluruh negeri melalui kerjasama dengan pelbagai syarikat telekomunikasi terutamanya pemasangan jajaran fiber optik yang menjadi keperluan utama bagi sistem komunikasi dan teknologi digital terkini. Pulau Pinang kini telah diliputi jajaran fiber sebanyak 50% sepanjang 3,217 km dan terdapat pelbagai syarikat telekomunikasi yang telah datang membentangkan cadangan pemasangan fiber kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri mengamalkan dasar terbuka tanpa monopoli kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk melabur di Negeri Pulau Pinang. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan pemasangan fiber optik di Pulau Pinang adalah dengan mensyaratkan penyediaan '*in-building cabling*' menggunakan fiber optik bagi sistem telekomunikasi di pembangunan baru yang dilaksanakan oleh pihak *Penang Development Corporation (PDC)* selaku agensi Kerajaan Negeri. Kelak, syarat pemasangan '*in-building cabling*' menggunakan fiber optik ini bagi semua pembangunan baru akan diperluaskan kepada pihak syarikat penyedia perkhidmatan dan pihak pemaju melalui penetapan polisi baru oleh Kerajaan Negeri.